



Manuscript Title: Faktor Penentu Perbelanjaan Mengikut Gender Dalam Kalangan Belia Melayu B40 Di Kuala Lumpur

Authors: Nur Jannah Bukhari

Accepted Date: 2-July-2025

Please cite this article as: Nur Jannah Bukhari. Faktor Penentu Perbelanjaan Mengikut Gender Dalam Kalangan Belia Melayu B40 Di Kuala Lumpur. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

**FAKTOR PENENTU PERBELANJAAN MENGIKUT GENDER
DALAM KALANGAN BELIA MELAYU B40 DI KUALA LUMPUR**

***DETERMINANTS OF EXPENDITURE PATTERNS BASED ON
GENDER AMONG MALAY YOUTHS IN THE B40 GROUP IN KUALA
LUMPUR***

Nur Jannah Bukhari

Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), MALAYSIA

Email: jannahbukhari@usim.edu.my

ABSTRACT

Spending is the use of money to purchase required goods or services. However, the spending patterns formed are greatly influenced by gender aspects. This study aims to exploring the impact of determining factors on spending by gender among the Malay youth in the B40 group in Kuala Lumpur. Using a qualitative research methodology and assisted by Atlas.ti software, this study conducted interviews with 30 informants to analyze how gender can influence spending behavior. Thematic analysis based on the findings from the study's informants led to the discovery of three main factors influencing spending: family roles, social class factors, and place of origin. The findings of this study show that the traits and priorities based on each gender's role in the family influence spending decisions, with certain factors having a greater impact on one gender. Although traditional gender roles still exist, both genders take equal responsibility in spending, which is influenced by their family and social background. Overall, this study provides a deeper understanding of the impact of gender on spending patterns and suggests practical implications for economic and social planning in Malaysia.

Keywords: *gender, spending patterns, Kuala Lumpur, factors, B40, Melayu*

ABSTRAK

Perbelanjaan merupakan aktiviti melibatkan penggunaan wang untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan yang diperlukan. Namun, pola perbelanjaan yang terbentuk amat dipengaruhi oleh aspek. Kajian ini bertujuan untuk meneroka kesan faktor penentu terhadap perbelanjaan

mengikut gender dalam kalangan belia B40 Melayu di Kuala Lumpur. Dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan dibantu oleh perisian Atlas.ti, kajian ini telah menemui bual 30 orang informan untuk menganalisis bagaimana gender mempengaruhi perbelanjaan. Analisis tematik melalui dapatan daripada informan kajian membawa kepada penemuan tiga faktor utama yang mempengaruhi perbelanjaan iaitu; peranan dalam keluarga, faktor kelas sosial, dan kawasan penempatan asal. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sifat dan keutamaan berdasarkan peranan dalam keluarga setiap gender mempengaruhi keputusan perbelanjaan, dengan faktor tertentu memberi impak lebih besar kepada satu gender. Walaupun pembahagian peranan tradisional mengikut gender masih wujud, kedua-dua gender mengambil tanggungjawab yang setara dalam perbelanjaan, yang dipengaruhi oleh latar belakang keluarga dan sosial. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi pemahaman mendalam tentang pengaruh gender terhadap perbelanjaan dan mencadangkan implikasi praktikal untuk perancangan ekonomi dan sosial di Malaysia.

Kata kunci: *gender, pola perbelanjaan, Kuala Lumpur, faktor, B40, Melayu*

PENGENALAN

Perbelanjaan merujuk kepada aktiviti yang dilakukan oleh individu yang berpendapatan untuk memperoleh keperluan atau kehendak mereka. Membeli-belah dianggap sebagai proses pemilihan barangan dan perkhidmatan yang melibatkan aspek sosial, budaya, dan ekonomi (Zukin & Maguire 2004), serta memenuhi keperluan peribadi dan mengekspresikan identiti diri (Kotler & Armstrong 2007; Chu, Guisheng & Shi 2015). Perbelanjaan juga melibatkan pencarian, penilaian, dan penggunaan produk untuk memenuhi keperluan (Schiffmann & Kanuk 2007). Bagi individu berpendapatan rendah, keutamaan perbelanjaan tertumpu kepada keperluan asas (Solomon 1996). Pola berbelanja juga berbeza-beza, sama ada untuk bersaing dan meningkatkan kualiti hidup (Duesenberry 1949) atau secara konsisten untuk jangka masa panjang (Friedman 1957). Terdapat juga individu yang merancang perbelanjaan dengan andaian pendapatan kekal akan sama di masa hadapan (Ando & Modigliani 1963; Nur Jannah Bukhari et al. 2021).

Dari perspektif gender, gender memainkan peranan penting dalam membentuk aspek dinamika masyarakat, termasuk tingkah laku ekonomi dan corak penggunaan. Sologon et al. (2024) mendapati krisis kos sara hidup telah menyebabkan perbezaan penggunaan mengikut masyarakat. Cara individu memperuntukkan sumber, membuat keputusan, dan terlibat dalam aktiviti

penggunaan amat dipengaruhi oleh identiti gender dan lingkungan sosial yang berkaitan dengannya. Hal ini telah mencetuskan minat pengkaji untuk memahami hubungan antara faktor penentu yang diberi fokus terhadap pola perbelanjaan mengikut gender; lelaki dan perempuan ketika berbelanja. Isu ini juga diperkuatkan lagi melalui kajian terdahulu seperti yang dilaksanakan oleh Sologon et al. (2024), Bloodhart dan Swim (2020), dan Roux et al. (2017) yang memperlihatkan bahawa perbezaan gender tidak hanya wujud dalam tingkat pendapatan tetapi juga dalam corak dan keutamaan perbelanjaan.

Perbezaan pola perbelanjaan antara gender dapat diperhatikan dalam perbelanjaan isi rumah dengan wanita memperuntukkan sebahagian besar pendapatan untuk barang-barang penting seperti barangan dapur dan penjagaan kesihatan manakala lelaki untuk barang mewah dan hiburan (O'Donoghue et al., 2024; Vijaya Lakshmi et al., 2017; Smith & Johnson 2010). Gupta dan Khan (2011) menyatakan bahawa ketidakseimbangan gender dan pendapatan telah mempengaruhi tingkah laku secara signifikan, pilihan berkaitan dengan keutamaan jenama, saluran untuk membeli, dan peruntukan perbelanjaan. Perbezaan ini juga dapat diperhatikan melalui kajian oleh Bloodhart dan Swim (2020) iaitu aspek gender yang mempengaruhi keputusan penggunaan harian seperti perbelanjaan bersifat mesra alam atau kitar semula.

Kajian ini bertujuan memahami hubungan antara faktor penentu terpilih dengan pola perbelanjaan informan. Kajian ini akan memberi fokus kepada mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan pola perbelanjaan mengikut gender, terutamanya dalam kalangan belia B40 di sekitar Kuala Lumpur. Dengan menjelaskan bagaimana gender mempengaruhi keputusan perbelanjaan, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji isu ketidakseimbangan ekonomi yang mungkin timbul akibat perbezaan tersebut, serta mempromosikan kesetaraan gender. Kesetaraan gender dalam konteks ini merujuk kepada usaha untuk memastikan akses yang adil dan peluang yang setara bagi setiap gender dalam pengurusan kewangan dan perbelanjaan, bukan untuk menghomogenkan corak perbelanjaan antara kedua-dua gender. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan mengikut gender, serta memberi cadangan praktikal untuk menyokong pembangunan ekonomi yang lebih inklusif dan seimbang.

Melalui tinjauan yang terhadap kajian literatur yang telah dilaksanakan, kajian ini yang turut melihat kesetaraan gender juga dijangka dapat menjelaskan kompleksiti pola perbelanjaan yang dipengaruhi oleh aspek gender dan implikasinya terhadap kesejahteraan ekonomi. Walaupun penyelidikan mengenai hubungan antara gender dan tingkah laku ketika berbelanja telah banyak dijalankan, kajian ini menggunakan pendekatan berbeza dengan

memberikan tumpuan kepada belia B40 di kawasan bandar iaitu Kuala Lumpur. Kajian ini meneliti bagaimana faktor-faktor sosio-ekonomi seperti kos sara hidup yang semakin meningkat, tekanan globalisasi, serta pengaruh kawasan penempatan. Terdapat jurang dalam penyelidikan sedia ada iaitu kurangnya tumpuan kepada golongan belia dalam kategori B40 yang terjejas oleh perubahan ekonomi semasa. Oleh itu, kajian ini dijangka mampu menyumbang kepada pengetahuan berkenaan perilaku pengguna dengan mengkaji aspek tersebut dalam konteks bandar metropolitan seperti Kuala Lumpur yang unik.

SOROTAN LITERATUR

Teori Berkenaan Gender dan Perbelanjaan

Tidak banyak teori yang melihat perilaku atau gelagat berbelanja mengikut gender. Walau bagaimanapun, terdapat satu pendekatan yang sering dirujuk apabila membicarakan tentang kajian yang berlatarbelakangkan gender dan perbelanjaan (Samuelson 1954). Walaupun teori mikro-ekonomi menekankan peranan individu secara besar-besaran, negara-negara membangun dan maju melihat gender sebagai unit pembuat keputusan yang tunggal bagi perbelanjaan keperluan rumahtangga. Manakala dalam model unitari, semua ahli keluarga dijangka mempunyai peluang untuk membuat pilihan. Hal ini dapat difahami melalui model diktatorial Beckerian iaitu satu di dalam keluarga iaitu ketua isi rumah membuat semua keputusan perbelanjaan untuk seisi keluarga.

Perkara ini sememangnya tidak dapat diterima sepenuhnya kerana kerencaman fungsi dalam sosial, pengaruh kelas sosial dan juga identiti menjadi aspek penting dalam perbelanjaan. Sebagai alternatif, wujudnya pendekatan bukan-unitari atau pembahagian ketika berbelanja yang bergantung kepada pemilihan peribadi dan pembahagian kuasa mengurus perbelanjaan di rumah. Walau bagaimanapun, pandangan ini diperdebat oleh model teori lain yang menganggap isi keluarga dalam rumah yang sama terdiri daripada individu yang heterogen dengan pemilihan yang pelbagai. Keadaan ini didapati berbeza dengan kajian yang telah dilaksanakan oleh Thomas (1990) yang mendapati pendapatan lelaki cenderung digunakan untuk tujuan pemakanan berbanding pendapatan wanita. Katz (1995) juga telah menolak hipotesis model unitari. Hal ini demikian kerana, stereotaip ke atas gender amat memainkan peranan penting dalam pilihan produk (Gupta dan Khan, 2011; Bloodhart & Swim 2020).

Dengan mengambilkira kombinasi faktor-faktor yang ditemui melalui kajian terdahulu, perlunya satu kajian secara mendalam untuk membongkar isu ini dengan lebih jelas. Hal ini disebabkan oleh terdapatnya kekurangan kajian yang memperincikan bagaimana peranan gender itu sendiri memberi impak yang besar ke atas perbelanjaan yang dilakukan. Perbelanjaan yang dilakukan sehari-hari memberi impak kepada kestabilan ekonomi negara. Lebih-lebih lagi hutang isi rumah yang sering dikaitkan dengan wanita merupakan antara hutang negara yang tertinggi. Maka, kajian ini dijangka dapat memberi pemahaman kepada masyarakat, pembuat polisi, dan juga pihak yang bertanggungjawab untuk melihat isu perbelanjaan secara menyeluruh dengan melibatkan fungsi atau peranan gender.

Perbelanjaan Mengikut Gender

Menerusi tinjauan kajian terdahulu, sememangnya terdapat perkaitan antara gender dan hubungannya dengan pola perbelanjaan yang bakal dibentuk. Beberapa faktor yang mempengaruhi hubungan antara gender dan perbelanjaan antaranya adalah perbezaan dalam keutamaan produk. Stereotaip ke atas gender mempengaruhi pilihan produk yang dibeli oleh lelaki dan wanita. O'Donoghue et al. (2024) mengkaji perbezaan pola perbelanjaan antara isi rumah di Ireland selama hampir tiga dekad (1987–2015). Kajian ini mendapati bahawa perbezaan dalam perbelanjaan dikaitkan dengan perubahan kuasa ekonomi wanita, termasuk peningkatan bilangan isi rumah yang diketuai oleh wanita. Roux, Tafani, dan Vigneron (2017) pula mendapati wujud pengaruh gender dalam persepsi dan motivasi bagi perbelanjaan jenama mewah. Nilai mewah antara gender juga terbentuk disebabkan oleh kelas sosial. Hasil kajian mendapati, terdapat empat model yang mempunyai nilai mewah iaitu pembaikan, warisan, eksklusif, dan elit. Wanita dilihat lebih mementingkan pembaikan atau improvisasi pada barangan mewah manakala lelaki mementingkan nilai eksklusif dan gaya elit. Dapatan ini menunjukkan, gender mempunyai dorongan kepercayaan dan konsep diri yang berbeza seperti penemuan oleh Vijaya Lakshmi et al. (2017). Dapatan ini berpadanan dengan isu penting yang telah diketengahkan oleh Ng et. al (2020) iaitu psikologi berdasarkan gender amat mempengaruhi pola perbelanjaan. Interaksi antara gender dan budaya dapat diperhatikan melalui tindak balas mereka ke atas iklan barangan yang dipamerkan. Bloodhart dan Swim (2020) pula menyatakan bahawa lelaki dan wanita mempunyai cara yang berbeza dalam menangani penggunaan mampan. Wanita biasanya lebih cenderung untuk mengamalkan cara hidup yang lebih mesra alam seperti menjimatkan tenaga atau menggunakan barang-barang kitar semula, sementara lelaki kurang terlibat kerana menganggap amalan ini lebih bersifat 'feminin'. Begitu juga dengan kajian terkini oleh Cho et al. (2024) iaitu pembelian bersifat impulsif lebih tinggi bagi pengguna lelaki.

Selain itu, pengaruh budaya dan sosial turut akan mencorakkan perbelanjaan. Norma dan nilai-nilai budaya sering mengekang pilihan pembelian berdasarkan gender. Ye dan Robertson (2012) mendapati identiti gender digunakan sebagai manifestasi di dalam produk yang akhirnya akan menghasilkan produk bercirikan feminin dan juga maskulin. Peranan dan kepentingan gender dalam keluarga juga merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian. Wanita cenderung berperanan sebagai perancang dan pengurus perbelanjaan keluarga yang meliputi makanan, pendidikan dan kesihatan hingga seringkali berhadapan dengan tekanan berbanding lelaki. Wanita lebih mementingkan perbelanjaan yang bersifat untuk penerimaan diri, hubungan, dan penampilan yang menarik manakala lelaki lebih mementingkan kepentingan pengiktirafan sosial berbanding wanita. (Roberts & Pirog 2004). Dalam perhubungan suami isteri pula, kecenderungan perbelanjaan bagi perayaan dan pembaikan rumah ditentukan oleh lelaki manakala teknologi domestik dan kesihatan dibiayai oleh wanita (Katz 1995). Wanita juga lebih cenderung mengelakkan risiko berbanding lelaki (Croson & Gneezy 2009). Perbezaan ini amat berkait rapat dengan tahap pendidikan dan secara tidak langsung mempengaruhi perilaku berbelanja dalam rumahtangga (Davies 2011).

Menerusi tinjauan kajian terdahulu seperti yang diketengahkan oleh O'Donoghue et al. (2024), Toh dan Rusmawati Said (2018), dan Husniyah et al (2017), tidak hairanlah jika ciri-ciri ekonomi, sosial, dan sejarah akan mempengaruhi tingkah laku. Dengan mengambil kira faktor-faktor tersebut, adalah penting untuk memahami bahawa pengaruh gender dalam perbelanjaan adalah fenomena yang kompleks dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Dengan memahami dinamika ini dapat membantu merancang strategi pemasaran yang lebih berkesan, menyediakan perkhidmatan yang lebih sesuai, selain mempromosikan kesaksamaan gender dalam ekonomi dan masyarakat. Oleh itu, kajian ini memberikan justifikasi terhadap kepentingan memahami perubahan yang berlaku dalam pola perbelanjaan mengikut gender dalam konteks bandar metropolitan seperti di Kuala Lumpur.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan temu bual mendalam yang dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan pertama melibatkan 10 orang belia wanita berumur 20 hingga 30 tahun. Kumpulan kedua melibatkan belia lelaki 10 orang berumur 20 hingga 30 tahun. Kumpulan ketiga pula melibatkan 10 orang belia lelaki dan wanita berumur 30-39 tahun. Pemilihan kaedah kualitatif bagi melaksanakan kajian ini membolehkan penyelidik menghasilkan pemahaman terperinci tentang pengalaman diri

individu yang ingin dikaji (Bazeley 2007; Munhall 2011). Bagi kajian ini, informan terdiri daripada kumpulan belia Melayu yang berumur di antara 20 hingga 39 tahun dan bekerja serta menetap di Kuala Lumpur. Lingkungan umur ini dipilih kerana belia dalam anggaran umur 20 hingga 39 tahun diandaikan merupakan golongan yang sudahpun bekerja dan sedang memperbaiki kehidupan (Nur Jannah Bukhari et al. 2021). Kaum Melayu pula dipilih kerana berdasarkan kajian literatur terdahulu, kaum Melayu merupakan kaum yang sangat terkesan dengan kos sara hidup. Mereka juga merupakan kaum majoriti yang berada dalam kumpulan berpendapatan rendah (B40) iaitu dengan pendapatan di bawah RM3900 (Nur Jannah Bukhari et al. 2020). Informan ini dipilih menggunakan teknik bola salji agar sampel yang dipilih memenuhi kriteria, maklumat dan sifat yang diperlukan oleh kajian ini (Creswell 2008). Senarai kriteria telah disusun dan disahkan oleh setiap informan yang berpotensi sebelum dikumpulkan untuk memastikan kebolehpercayaan informan. Informan adalah individu yang terlibat dalam proses berbelanja secara langsung. Sebagai contoh, lelaki mahupun wanita berbelanja sebahagian daripada pendapatan yang diperoleh untuk memenuhi segenap keperluan.

Pemilihan lokasi kajian iaitu Kuala Lumpur dipilih kerana kos sara hidup di bandar adalah tinggi berbanding di kawasan luar bandar. Untuk meneruskan kelangsungan hidup di bandar metropolitan seperti Kuala Lumpur, dianggarkan setiap orang memerlukan sekurang-kurangnya RM1870 bagi golongan bujang tanpa kereta manakala RM2490 bagi bujang berkereta. Bagi yang berkahwin tanpa anak pula dianggarkan perlu mempunyai pendapatan sekurang-kurangnya RM4420 manakala mempunyai anak sehingga dua orang antara RM5370 hingga RM6620 (Nur Jannah Bukhari et al. 2020; Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2019). Oleh yang demikian, dapatan ini membuktikan terdapat keutamaan yang berbeza apabila berbelanja. Maka, Kuala Lumpur merupakan kawasan kajian yang bertepatan untuk mengkaji pola perbelanjaan mengikut gender.

Pendekatan tematik dianggap sesuai untuk menguruskan set data dan mentafsirkan makna pengalaman berbelanja mengikut gender. Jadual 1 menunjukkan peringkat analisis tematik. Pengkodan adalah proses mengenal pasti sebahagian kecil maklumat dalam transkripsi dan menghubungkannya dengan konsep dan tema. Pengekodan adalah bahagian penting dalam analisis data dan membolehkan penyelidik mengambil bahagian yang relevan bagi untuk tujuan perbincangan. Penyelidik membaca transkripsi temu bual dan maklumat yang diperolehi untuk mencari tema dibantu dengan perisian ALTAS.ti. Data kemudiannya dikaji sehingga mencapai tahap tepu dan tiada tema baru muncul.

Jadual 1: Langkah mengurus data kualitatif

Pengurusan data	• Temubual ditranskripsi. • Proses mengenalpasti data di dalam transkrip temubual. • Mengenalpasti tema dan sub-tema dan mengekodkannya. • Penyusunan tema dalam bentuk kod. • Transkripsi temubual dibuat dalam bentuk tema.
Deskripsi data	• Merumus dan menggabung data yang telah dikodkan mengikut tema. • Kenalpasti kunci utama data sintesis. • Membangunkan tema utama berdasarkan gambaran transkripsi secara keseluruhan.
Eksplorasi data	• Kenalpasti dan membangunkan paten di dalam kerangka konsep dan tema. • Menilai semula data awal agar maklumat yang diterima adalah tepat dan tidak disalahtafsirkan • Transliterasi transkrip untuk menghuraikan konsep, tema dan kategori. • Meninjau semula konsep dan tema yang telah diterima.

Morris et al. (2018)

Bagi mengumpul maklumat yang diperlukan, sebanyak 30 temu bual telah dijalankan. Kajian ini menggunakan 30 sampel yang dipilih melalui teknik persampelan bola salji. Dapatan daripada jumlah 30 sampel ini juga telah mencapai tahap ketepuan data. Teknik ini dipilih kerana dapat membantu penyelidik mendapatkan informan yang memenuhi kriteria kajian dengan lebih mudah, terutamanya dalam kalangan belia B40 yang mungkin sukar diakses melalui kaedah persampelan rawak. Pendekatan ini juga sesuai untuk kajian kualitatif yang memerlukan pengumpulan data mendalam daripada individu yang mempunyai pengalaman tertentu dalam subjek kajian. Dalam analisis data, pendekatan tematik digunakan untuk mengenal pasti tema utama. Sebagai contoh, peranan dalam keluarga dikenal pasti sebagai tema dominan apabila majoriti informan lelaki dan wanita menyentuh isu tanggungjawab keluarga sebagai faktor utama yang mempengaruhi perbelanjaan.

Temu bual mendalam telah dijalankan secara bersemuka dan tiada temu bual berulang dijalankan. Sesi temu bual telah dijalankan sekitar 30 hingga 40 minit bagi setiap kumpulan yang melibatkan 10 orang informan. Proses temu bual ini juga telah dijalankan selama hampir dua bulan iaitu antara bulan Januari dan Februari pada tahun 2024. Temu bual yang dijalankan telah dirakam dengan persetujuan daripada informan. Maklumat-maklumat penting turut dicatat sepanjang temubual berlangsung. Bagi tujuan merekod temubual, perakam suara telah digunakan dan dapatan kemudiannya tersebut telah ditranskrip dalam format Word. Rakaman hasil daripada temu bual kemudiannya telah ditranskripsi. Bagi meneruskan kajian ini, informan telah ditanya beberapa soalan separa berstruktur. Pertanyaan yang berkaitan dengan kajian turut digunakan untuk mendapatkan naratif selanjutnya. Semua temu bual dilaksanakan di kawasan yang mudah diakses untuk memberi dorongan kepada informan dan mencipta persekitaran yang selesa. Setiap sesi dirakam audio dan video untuk membolehkan penyelidik memberi tumpuan kepada respons kumpulan dan tingkah laku bukan lisan, dan untuk ditranskripsi kemudian. Informan yang terlibat adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 2.

Jadual 2: Latar belakang informan terlibat

No	Gender	Kod	Umur (tahun)	Pendapatan (RM)
1	L	L1	26	RM2500-RM3000
2	L	L2	24	RM2000 dan ke bawah
3	L	L3	27	RM3000-RM3500
4	L	L4	24	RM2500-RM3000
5	L	L5	25	RM2500-RM3000
6	L	L6	28	RM2500-RM3000
7	L	L7	29	RM2000 dan ke bawah
8	L	L8	30	RM3000-RM3500
9	L	L9	30	RM3000-RM3500
10	L	L10	33	RM3500-RM3900
11	L	L11	36	RM2500-RM3000
12	L	L12	35	RM3000-RM3500
13	L	L13	33	RM3000-RM3500
14	L	L14	32	RM3000-RM3500

15	L	L15	29	RM2500-RM3000
16	P	P1	22	RM2500-RM3000
17	P	P2	35	RM2500-RM3000
18	P	P3	29	RM3000-RM3500
19	P	P4	29	RM3000-RM3500
20	P	P5	28	RM2000 dan ke bawah
21	P	P6	26	RM2500-RM3000
22	P	P7	31	RM3500-RM3900
23	P	P8	33	RM2000 dan ke bawah
24	P	P9	35	RM3000-RM3500
25	P	P10	36	RM3000-RM3500
26	P	P11	32	RM2000 dan ke bawah
27	P	P12	28	RM3000-RM3500
28	P	P13	24	RM2000 dan ke bawah
29	P	P14	27	RM2500-RM3000
30	P	P15	27	RM2000 dan ke bawah

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Isu-isu mengenai perbelanjaan merupakan isu yang besar kerana implikasinya bukan sahaja kepada individu dan masyarakat, bahkan kepada negara. Hasil daripada analisis tematik yang dibantu oleh perisian Atlas.ti, terdapat tiga faktor utama telah dikenalpasti menjadi penentu pola perbelanjaan mengikut gender: (1) peranan dalam keluarga, (2) persaingan kelas sosial dan (3) kawasan penempatan asal.

Berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa faktor peranan dalam keluarga, sama ada dominan atau sebaliknya yang disandarkan kepada tanggungjawab berdasarkan gender akan mencorakkan perbelanjaan. Begitu juga faktor kelas sosial yang wujud hasil daripada jenis pekerjaan yang sedang diceburi. Persaingan tersebut dapat dilihat daripada cara berbelanja dan keutamaan perbelanjaan yang dibuat oleh golongan informan yang terlibat. Manakala

faktor ketiga iaitu kawasan penempatan asal sama ada bandar, luar bandar mahupun transisi bandar merupakan faktor yang berpotensi mempengaruhi perbelanjaan mengikut gender.

Jadual 3: Faktor yang mempengaruhi perbelanjaan mengikut gender

Bil	Faktor yang mempengaruhi perbelanjaan mengikut gender
1	Peranan dalam keluarga
2	Persaingan kelas sosial
3	Latar belakang keluarga

Proses pengkodan data daripada temu bual mendalam menunjukkan bahawa faktor peranan dalam keluarga menjadi pendorong utama kepada kedua-dua gender ketika perbelanjaan. Misalnya, responden P2 dan L6 menyatakan bahawa tanggungjawab dalam menyediakan keperluan keluarga seperti makanan dan kesihatan adalah faktor penting dalam membuat keputusan perbelanjaan. Selain itu, persaingan kelas sosial dapat dilihat melalui gaya berbelanja barangan mewah seperti pakaian dan aksesori, yang digunakan sebagai cara untuk meningkatkan status sosial. Latar belakang keluarga, terutamanya kawasan asal, turut mempengaruhi kecenderungan perbelanjaan, dengan informan dari kawasan luar bandar lebih cenderung memilih rawatan alternatif berbanding rawatan moden.

Peranan Dalam Keluarga

Setiap gender mempunyai peranan yang berbeza-beza dalam institusi kekeluargaan. Hubungan faktor peranan dalam keluarga ke atas pola perbelanjaan mengikut gender dapat dilihat melalui status perkahwinan dan tanggungan dalam keluarga tersebut. Menerusi temubual yang dilaksanakan, sebahagian besar informan yang terlibat menyatakan peranan dalam keluarga akan membentuk perbelanjaan yang akan dilakukan. Dapatan ini diperkukuhkan dengan dapatan temubual yang diperoleh dari informan P2. Bagi informan P2 yang telah berkahwin dan mempunyai dua orang anak, keperluan mengenai perlindungan dan kesihatan menjadi tanggungjawab yang paling utama. Sebagai seorang isteri dan juga ibu, informan percaya bahawa beliau berperanan untuk menyediakan keperluan kesihatan seperti ubat-ubatan bagi kegunaan seisi keluarga apabila ditimpa masalah kesihatan. Informan L3 turut berkongsi pendapat yang sama berkenaan keperluan tersebut.

Ubat untuk sakit-sakit biasa saya sentiasa top-up, macam ubat selsema, Panadol. Kalau agak-agak dah lain macam je masing-masing, saya suruh makan ubat. Kalau lambat, melarat, nanti saya ke suami kena cuti pulak, jaga anak sakit. Kalau tua-tua ni takpelah kan makan ubat, budak-budak tu kalau sakit kena pergi klinik. Dah tambah kos pulak. Bukan setiap masa pergi klinik panel. Kadang tuju mana yang dekat je. (P2)

Saya kalau sakit ringan macam demam selsema memang tak pergi klinik. Sebab saya tahu di rumah memang tersedia ubat. Mak saya biasa akan sediakan ubat untuk kecemasan. (L3)

Melalui petikan temubual tersebut, jelaslah bahawa wanita berperanan sebagai pengurus dalam rumahtangga. Langkah berjaga-jaga yang diambil berfungsi untuk mengawal dan memastikan keluarganya terhindar daripada masalah kesihatan yang akan memberi kesan ke atas pekerjaan mereka. Hal ini demikian kerana, mereka terpaksa mengambil cuti kecemasan dengan kerap bagi menyelesaikan masalah kesihatan yang dialami oleh ahli keluarga. Peranan wanita sebagai pengurus keluarga turut diakui oleh informan L6 yang merupakan seorang suami. Informan menyatakan, beliau akan memberikan peruntukan bulanan pada isteri untuk menyediakan keperluan rumah.

Tiap-tiap bulan saya bagi isteri duit untuk belanja barang rumah. Buat beli barang basah, barang dapur, apa-apalah yang rasa penting. Dia lagi cekap. Tau-tau semua ada. Minta je ada. Semua standby. Kalau kita ni, setiap kali nak guna, setiap kali tu lah pergi beli. (L6)

Dapatan daripada kedua-dua informan tersebut membuktikan, peranan yang dipegang golongan wanita mendorong mereka untuk memikul tanggungjawab bagi menyediakan keperluan keluarga meliputi keperluan-keperluan asas yang melibatkan penyediaan makanan, keperluan rumah dan aspek keselamatan. Tanggungjawab tersebut dilaksanakan supaya setiap ahli keluarga dapat menjalani kehidupan yang lebih sejahtera. Peranan yang digalas oleh wanita sebagai pengurus keluarga selari dengan kenyataan Smith (1964) iaitu ibu yang bekerja cenderung untuk melindungi anak disebabkan oleh kerisauannya terhadap persekitaran.

Walau bagaimanapun, peranan dalam keluarga besar (*extended family*) turut perlu dilaksanakan selain keluarga nukleus mereka sendiri. Peranan yang perlu dipikul dalam dua buah keluarga memperlihatkan bahawa, gender memikul peranan yang bertindih-tindih dalam satu-satu masa. Sebagai contoh, lelaki atau wanita masing-masing perlu menjalankan peranannya

sebagai anak (dalam keluarga besar) walaupun sedang menjalankan peranan sebagai suami mahupun isteri (dalam keluarga nukleus). Namun demikian, peranan dalam kedua-dua bentuk keluarga adalah berbeza antara gender. Hal ini disebabkan oleh konsep ketaatan. Lelaki tetap perlu mentaati ibunya walau sudah berkahwin, berbeza dengan wanita yang hanya wajib taat kepada suaminya. Peranan ini juga dibentuk daripada proses sosialisasi yang dipelajari dari keluarga di samping melalui persekitaran sosial. Menurut Shaari Isa (2007), perkongsian budaya terjadi hasil daripada pengaruh ibu bapa yang melibatkan perlakuan dan pertuturan. Kemudian, hal ini akan ditiru oleh anak-anak menerusi apa yang dilihat dan didengar dalam interaksi seharian. Ajaran yang diterapkan akhirnya menjadi budaya yang diamalkan dalam kehidupan dan diperturunkan ke generasi yang lain.

Proses penerapan budaya tersebut disesuaikan dengan gender masing-masing. Suami lazimnya akan menjalankan peranan utama (*instrumental role*) sebagai pencari nafkah keluarga dan isteri pula akan menjalankan peranan ekspresif (*expressive role*) sebagai pengurus rumahtangga (Yaacob Harun 1997). Sebagai contoh mengenai pembahagian tugas dalam masyarakat tradisi, wanita dipertanggungjawabkan untuk mengumpul bahan makanan seperti buah-buahan. Hal ini memudahkan mereka untuk berada dekat dengan rumah di samping menjaga anak-anak. Manakala bagi lelaki pula, mereka akan keluar untuk memburu binatang (Marlowe 2007). Selain fungsi isteri sebagai pengurus rumahtangga, Firth (1966) yang mengkaji masyarakat nelayan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia mendapati isteri juga bertindak sebagai 'banker' iaitu pengatur perbelanjaan keluarga. Suami akan merujuk kepada isteri sebelum melakukan apa-apa transaksi kewangan. Maka, wang akan diserahkan dan disimpan oleh isteri di rumah. Jika para suami memerlukan wang untuk membeli peralatan, mereka akan memintanya daripada isteri.

Dapatan ini dilihat telah menyokong kajian yang dilakukan oleh O'Donoghue et al. (2024), Al-Haifi et al. (2023) dan Husniyah Abdul Rahim et al. (2017) iaitu wanita mempunyai kewangan bagi keperluan kesihatan yang lebih baik berbanding lelaki. Memiliki kewangan yang sihat bagi keperluan kesihatan dapat dilihat daripada pemilikan kad perubatan serta penyediaan ubat-ubatan di rumah. Dapatan daripada Davies (2011) yang melihat dari institusi kekeluargaan juga turut bersependapat dengan dapatan kajian ini. Menurutnya, survival anak-anak akan lebih terbelah jika keperluan kesihatan dipertanggungjawabkan ke atas ibunya berbanding ayah. Disebabkan kecaknaan wanita mengenai perlunya keperluan kesihatan diberi perhatian maka, peruntukan untuk perbelanjaan keperluan ini akan lebih tinggi berbanding lelaki.

Perbezaan peranan turut didorong oleh tanggungjawab yang berbeza, yang perlu dipikul di dalam keluarga. Bagi lelaki, tanggungjawab yang perlu digalas adalah besar. Menurut Yaacob Harun (1997), agama Islam memberi kedudukan yang dominan kepada suami. Seluruh tanggungjawab keluarga terletak di atas bahu mereka untuk menyediakan keperluan keluarga mengikut kemampuannya, mengawal rumahtangga daripada dicerobohi orang, dan bertanggungjawab ke atas rumahtangga tersebut. Seperti firman Allah di dalam surah al-Nisa ayat 34 yang bermaksud, “Kaum lelaki itu adalah pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang lelaki (Dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka”.

Dalam perhubungan suami isteri, tanggungjawab utama yang paling jelas adalah dari aspek nafkah. Seorang suami dipertanggungjawabkan untuk menyediakan makan dan minum yang cukup kepada isterinya, tempat tinggal, dan juga pakaian (Li 1995). Selain itu, tanggungjawab lelaki juga tidak terhad kepada ibu dan isterinya. Hal ini demikian kerana berdasarkan ajaran agama Islam, lelaki dipertanggungjawabkan terhadap empat wanita iaitu ibu, isteri, anak perempuan, dan saudara perempuan. Perbezaan tanggungjawab dalam keluarga antara wanita dan lelaki ini memberi kesan yang berbeza ke atas pendapatan. Ketua isi rumah iaitu suami perlu membayar rumah, kereta dan melengkapkan keperluan harian. Oleh itu, lebih pendapatan adalah lebih rendah berbanding wanita. Wanita yang bekerja pula mempunyai kuasa mutlak ke atas pendapatannya. Maka, wanita akan memperoleh lebih pendapatan yang lebih tinggi berbanding lelaki. Dapatan ini selari dengan kenyataan daripada informan yang terlibat.

Sebagai anak lelaki, saya kena bagi perhatian pada mak saya. Adik-adik saya. Tanggungjawab saya besar. Biasanya saya akan alocate untuk kegunaan mereka. Taklah banyak tapi ada. Nanti kalau saya dah kahwin pun, benda ni masih perlu saya buat jugak dan tanggungjawab saya makin besar. (L8)

Saya dah kahwin tapi saya perlu bagi parents saya duit belanja. Itu tanggungjawab saya. Hal-hal rumah, saya dan suami share. Suami pun ada bagi sedikit kat parents dia. Kita sama-samaa. Tetapi bayar rumah, makan, tu wajib datang dari suami lah. (P11)

Saya banyak spend untuk family saya sendiri sebab husband saya dah cover banyak untuk kitaorang. Jadi saya ada lebih untuk bagi family saya. (P4)

Perkara basic saya bayar macam rumah, belanja dapur, kereta.
Lain-lain isteri saya bayar. (L5)

Dapatan ini dilihat bertepatan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Muhammed Abdul Khalid (2017) yang menunjukkan, wanita mempunyai kekayaan 18 peratus lebih tinggi daripada lelaki yang disebabkan oleh kadar simpanan yang lebih tinggi. Keupayaan menyimpan dengan kadar yang lebih tinggi menunjukkan jumlah pendapatan bersih yang turut lebih tinggi. Maka, wanita dapat menyediakan peruntukan perbelanjaan bagi keperluan ibu bapa dengan lebih baik.

Dengan erti kata yang lain, wanita amat menitikberatkan perbelanjaan yang penting dan menghubungkannya dengan kemungkinan yang bakal terjadi. Berbanding dengan lelaki, mereka kurang menimbangkan peri pentingnya hasil yang diperoleh daripada perbelanjaan tersebut kepada keluarga sama ada perbelanjaan itu dapat memenuhi keperluan ataupun sekadar memenuhi syarat. Peranan yang berbeza-beza dalam sesebuah keluarga turut membentuk penyediaan keperluan yang berbeza, sesuai dengan keutamaan gender tersebut. Hujahan ini membuktikan, tanggungjawab berdasarkan peranan sememangnya memberi kesan ke atas perbelanjaan harian. Makin bertambah tanggungjawab yang perlu digalas, maka makin besar peruntukan yang perlu disediakan sesuai dengan keperluan-keperluan yang perlu dipenuhi.

Persaingan Dalam Kelas Sosial

Selain itu, perbezaan perbelanjaan antara gender yang menunjukkan wanita berbelanja lebih tinggi bagi keperluan asas juga disebabkan oleh persaingan dalam kelas sosial. Oleh kerana secara umumnya belia wanita mempunyai purata pendapatan yang hampir sama maka, perbelanjaan ke atas barangan mahal atau mewah yang menunjukkan status dijadikan alat untuk bersaing sesama mereka. Apabila memperagakan kasut, pakaian kerja, aksesori yang mempunyai ciri-ciri “mewah”, secara tidak langsung penampilan turut akan terlihat mempunyai “kelas” lebih tinggi. Akhirnya, barangan mewah yang dimiliki dapat mengaburi mata masyarakat daripada mengetahui kelas sosial sebenar mereka.

Perbelanjaan ke atas barangan mewah yang bertujuan untuk bersaing antaranya dibentuk oleh sektor pekerjaan yang sedang diceburi. Hal ini demikian kerana, setiap sektor pekerjaan mengkehendaki pekerjaanya berketrampilan mengikut keperluan bidang pekerjaan tersebut. Contohnya, pekerjaan dalam sektor profesional memerlukan pekerjaanya untuk berketrampilan menarik, kemas dan memakai ‘*office attire*’ atau ‘*dress code*’

yang sesuai. Maka, mereka terdorong untuk berbelanja lebih tinggi untuk jenis pakaian tersebut.

Dapatan ini selari dengan latar belakang pekerjaan informan yang terlibat. Bagi wanita, lebih separuh daripadanya terlibat dalam profesion pekerja sokongan dan perkeranian (5 orang), profesional (5 orang), dan juga pengurusan (3 orang). Manakala lebih separuh daripada jumlah informan lelaki terlibat dalam profesiaon lain-lain (6 orang), profesional (3 orang), dan pengurusan (2 orang). Hanya sebahagian kecil profesion lain yang diceburi oleh lelaki dan wanita iaitu perkhidmatan dan jualan (2 orang). Sektor-sektor pekerjaan yang diceburi oleh wanita berbanding lelaki seperti yang telah dinyatakan jelas menunjukkan bahawa persaingan wanita dalam profesion pekerjaan adalah lebih tinggi berbanding lelaki.

Jadual 4: Jumlah penglibatan lelaki dan wanita dalam sektor pekerjaan tertentu

Sektor Pekerjaan	Lelaki	Wanita	Jumlah (N)
Perkhidmatan dan jualan	2	2	4
Pekerja sokongan dan perkeranian	2	5	7
Profesional	3	5	8
Pengurusan	2	3	5
Lain-lain	6	0	6
Jumlah	15	15	30

Selain itu, berdasarkan pemerhatian di sekitar papan iklan di jalan raya, barangan mewah tidak hanya terhad bagi keperluan untuk berketrampilan ke tempat kerja namun, turut menjangkau kepada keperluan bagi identiti keagamaan khususnya barangan ritual. Perbelanjaan wanita yang lebih tinggi untuk keperluan identiti keagamaan disokong dengan banjir produk di pasaran yang menfokuskan ritual; seperti telekung. Telekung yang berfungsi sebagai pakaian untuk menutup aurat bagi menjalankan ibadat iaitu solat telah dieksploitasikan fungsinya oleh pengusaha syarikat pada masa kini.

Perkara ini dapat diperhatikan menerusi iklan barangan ritual keagamaan seperti telekung di papan iklan yang berada di serata tempat contohnya di Shah Alam, Kajang, dan juga lebuhraya. Telekung boleh dikatakan agak mahal kerana harga bagi sepasang telekung berjenama boleh menjangkau

sehingga RM250. Malahan, ada syarikat lain yang turut menawarkan harga yang lebih tinggi sehingga RM399 dengan menambah perincian-perincian lain ke atas telekung tersebut, antaranya batu Swarovski, sulam-sulaman yang lebih menarik, dan juga kain yang berkualiti premium.

Isu ini perlu diberikan perhatian kerana pembelian ke atas barangan bersifat sedemikian akan memberi impak kepada perbelanjaan bagi golongan berpendapatan rendah secara keseluruhan. Perkara ini diketengahkan kerana berdasarkan pendapatan penengah belia kajian ini iaitu RM2,000, pembelian bagi barangan tersebut akan menyumbang sehingga 12 peratus daripada keseluruhan pendapatan. Apabila difikirkan kembali, sumber kewangan yang dimiliki agak terhad namun, keinginan untuk mendapatkannya adalah tinggi. Keinginan tersebut disebabkan oleh sikap ingin menunjuk-nunjuk dalam kumpulan kelas sosial. Tanpa disedari, implikasi yang perlu ditanggung hasil daripada perbelanjaan tersebut tidak diberikan perhatian.

Memang kita tak beli hari-hari tapi sebab keekklusifan telekung tu sendiri, dia buat kita nak beli jugak walaupun tak perlu pun telekung mahal ni sebenarnya. Macam telekung Siti Khadijah, beli bukan apa, nanti raya nak tunjuk masa sembahyang raya, ha aku ada telekung mahal. Sebab tu label dia dekat luar. Kalau label dekat dalam, orang tak nampak kita pakai brand apa. (P8)

Saya suka beli baju brand Levi's sebab brand. Bila kita pakai orang tahu tu baju apa. Lepastu biasanya t-shirt ada brand ni selesa sedikit kainnya. (L3)

Sekarang banyak brand local yang overpriced. Tapi sebenarnya ok jugaklah sebab kalau brand international lagi mahal. Jadi sekarang saya banyak guna brand local yang mahal sedikit lagi-lagi baju raya, kurta. Kira saya join trend. Saya terjebak beli sebab rakan office beli. Saya tengok cantik juga. (L11)

Petikan di atas memperlihatkan keinginan golongan wanita dan juga lelaki untuk berketrampilan mewah apabila bertemu dengan rakan-rakan atau saudara-mara yang jarang ditemui. Keinginan untuk memiliki barangan mewah turut dapat dikesan melalui kewujudan aplikasi dan kedai-kedai yang menjual barangan yang telah digunakan atau juga disebut sebagai 'preloved'. Melalui tinjauan internet, aplikasi yang menghimpunkan barangan preloved antaranya adalah "Carousell".

Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan, terdapat banyak barangan mewah yang dijual semula dengan potongan harga antara 25 hingga 30 peratus bergantung kepada keadaan barangan tersebut. Barangan-barangan

yang diiklankan termasuklah beg tangan, jam tangan, pakaian, dan lain-lain lagi. Dapatan ini memperlihatkan, wanita mempunyai keinginan memiliki barangan mewah yang tinggi hingga sanggup membeli barangan 'preloved' semata-mata untuk memiliki simbol kemewahan tersebut.

Kenyataan ini menyokong kajian yang telah dilakukan oleh Cox dan Dittmar (1995) iaitu, wanita cenderung mempunyai orientasi pemilihan pakaian yang menekankan simbol agar sosial dan peribadi mereka dapat dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan penemuan kajian oleh Toh dan Rusmawati Said (2018) yang memperlihatkan bahawa lelaki sebenarnya turut berbelanja tinggi untuk barangan bersifat material.

Hal ini menunjukkan bahawa, walaupun dalam kelas sosial yang sama, persaingan terjadi kerana terdapat individu yang ingin membuktikan kemampuannya untuk menggayakan barangan yang lebih mewah berbanding orang lain. Sikap menunjuk-nunjuk ini turut didorong oleh perasaan untuk membuktikan yang mereka sedang menjalani kehidupan yang lebih baik berbanding rakan-rakan yang lain. Secara tidak langsung, individu tersebut mendapat penghormatan yang lebih tinggi daripada jiran tetangga, seolah-olah mereka sedang berada dalam kelas sosial yang lebih tinggi.

Kawasan Penempatan Asal

Kawasan penempatan asal merujuk kepada jenis kawasan yang menjadi penempatan sesebuah masyarakat sama ada luar bandar, transisi dan juga bandar. Untuk menentukan jenis sesebuah kawasan tersebut, terdapat beberapa kriteria utama yang dijadikan asas antaranya adalah jumlah penduduk dan kegiatan ekonomi. Bandar dirujuk sebagai kawasan yang mempunyai penduduk sekurang-kurangnya 10,000 orang dan 60 peratus daripadanya berumur 15 tahun dan ke atas. Manakala bagi kawasan luar bandar, jumlah penduduknya adalah kurang daripada 10,000 orang dan 60 peratus daripadanya berumur 10 tahun dan ke atas. Transisi bandar pula merujuk kepada kawasan yang dilimpahi pembangunan dari kawasan bandar hingga merubah persekitaran fizikal dan terletak di pinggir bandar (Katiman Rostam et al. 2010).

Bagi latar belakang keluarga, didapati bahawa kedua-dua gender amat terpengaruh dengan perbelanjaan yang melibatkan rawatan alternatif. Hal ini demikian kerana hampir majoriti gender yang terlibat berasal dari kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, orientasi perbelanjaan bagi mendapatkan rawatan sedikit-sebanyak dikaitkan dengan unsur-unsur mitos, mistik, dan alam ghaib. Umum mengetahui bahawa hospital dan klinik merupakan pusat

rawatan utama yang menjadi pilihan apabila mengalami masalah kesihatan. Terdapat kelengkapan dan kemudahan peralatan yang disediakan untuk mengesan dan mengubati penyakit yang sedang dihadapi. Di samping itu, ubat-ubatan khusus turut dibekalkan dengan harga yang berpatutan, lebih-lebih lagi jika mendapatkan rawatan di hospital mahupun klinik-klinik kerajaan.

Walau bagaimanapun, orientasi dan pengalaman hidup yang berbeza menyebabkan terdapat masyarakat Melayu yang memilih untuk mendapatkan rawatan alternatif. Kecenderungan sikap sedemikian amat berkait rapat dengan kepercayaan-kepercayaan tradisional lampau. Rawatan alternatif merangkumi perkhidmatan rawatan daripada pengamal perubatan tradisional dan juga perubatan Islam. Bagi rawatan secara tradisional, kaedah rawatan ini mempunyai kaitan dengan kepercayaan-kepercayaan yang menjadi anutan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi.

Informan L13 menyokong tentang wujudnya pilihan rawatan alternatif. Baginya yang berasal dari kawasan luar bandar, rawatan perubatan Islam merupakan pilihan kedua apabila penyakit yang dirawat tidak beransur sembuh.

Ayah saya hari tu sakit-sakit badan, saya urutlah tiba-tiba esoknya jadi makin bengkak. Pergi hospital ambil ubat tak baik-baik juga. Last-last kitorang bawa ayah pergi jumpa bomoh. Nak kata bomoh tak bomoh jugak sebab takde pun mantera-mantera. Macam ustaz la. Dia cakap ayah kena tegur itu yang tangan bengkak tak surut-surut. Lepas ustaz tu pegang-pegang baca-baca, alhamdulillah baik. Bila ingat-ingat balik, sebelum tu ayah sembelih ayam, agaknya kena tegur la dengan binatang-binatang. Benda-benda tu ada kan, jadi nak tak nak, kita kena percaya. (L13)

Apabila ditanya sama ada perlu dibuat sebarang bayaran atau menyediakan barang, informan menyatakan bahawa pengamal perubatan Islam yang ditemui tidak meminta sebarang bayaran. Walau bagaimanapun, terdapat pengamal perubatan lain seperti bomoh yang berbuat sedemikian.

Ada kat kampung tu, kalau berubat dengan dia, dia minta ayam sekor. Ayam hidup. Ayam tu nanti dia buat bela. (L13)

Saya selalu kebas-kebas tangan. Bila makan ubat baik sekejap sahaja lepastu jadi balik. Saya pergi berurut. Nenek urut bagitahu, ada dua ekor syaitan bergayut di ketiak saya. Selepas urut Alhamdulillah makin baik. (P13)

Dapatan ini mendedahkan, masih ada belia yang mempercayai kaedah rawatan alternatif. Hal ini demikian kerana, orientasi kehidupan masyarakat di luar bandar masih menekankan aspek perhubungan dengan alam dan mempercayai akan semangat dan makhluk ghaib. Oleh itu, jika rawatan perubatan moden tidak menunjukkan kesan, mereka akan segera mendapatkan rawatan alternatif. Terdapat juga individu yang terus mendapatkan rawatan tersebut disebabkan oleh bimbang akan kesan daripada pembedahan secara moden.

Setiap minggu hari Khamis malam Jumaat, kami anak beranak akan ke Negeri Sembilan. Ada satu rumah tu famous. Macam-macam orang ada, Cina pun ada. Rawatan start lepas maghrib sampai lepas tengah malam, depends pada jumlah yang tunggu. Kami pergi sana sebab nak rawat mak. Masa jumpa doktor, doktor sahkan mak ada cyst. Sepatutnya kena operate tapi mak tak nak. Jadi kami carilah berubat cara tradisional. Masa sampai giliran mak, mak bagitahu, dia kena baring, lepastu muka kena tutup pakai kain batik. Tak nak bagi nampak. Nanti ustaz tu operate cara halus. Dia pakai lidi ke ape tah, buat potong dekat perut. Adalah baca-baca jugak. Lepastu dia bagi minum air daun ape tah. Bila tengok balik, takde kesan pun pada perut tu. Dia macam acah-acah gitulah. (L15)

Ada kawan saya, bini dia kena kanser stage dua. Tapi dia taknak buat rawatan. Dia ulang-alik pergi Batu Pahat berubat. Area Sri Medan. Bukan murah tau. Sekali pergi RM3000, banyak kali jugak dia pergi. Last-last orang tu cakap tak boleh baik dah. Kena pergi hospital juga. Duit dah habis belas-belas ribu ni. Tak lama, jalan dah orangnya. (L2)

Dapatan yang ditemui melalui tembual bersama informan memperlihatkan kaitannya dengan kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Sebelum kedatangan agama Islam di Tanah Melayu, masyarakat Melayu primitif menganut agama animisme dan percaya akan 'semangat', kuasa yang ada pada haiwan dan makhluk-makhluk halus. Pengamal-pengamal perubatan tradisional Melayu dahulunya terdiri daripada lelaki dan perempuan. Bermacam-macam gelaran yang telah diberikan seperti bomoh, pawang, dan dukun. Walaupun berbeza namun, pengkaji terdahulu bersependapat bahawa fungsi pengamal perubatan Melayu adalah sama, iaitu untuk menolong mengubati orang yang ditimpa penyakit (Haliza Mohd Riji 2000). Selepas kedatangan agama Islam pada akhir abad ke-14, istilah dan konsep yang digunakan oleh pengamal perubatan Melayu secara perlahan-lahan telah ditukar. Mantera yang digunakan sebelum ini diubah kepada doa dan ayat-ayat Al-Quran (Haliza Mohd Riji 2000). Masyarakat Melayu juga diperkenalkan dengan alam ghaib yang melibatkan jin, syaitan, malaikat, dan makhluk halus. Bagi kedua-dua jenis rawatan alternatif, keperluan-keperluan bagi membuat upacara tersebut perlu disediakan. Kosnya juga tidak tetap kerana penyediaan

barang-barang yang diperlukan adalah berlainan, bergantung kepada jenis penyakit yang dihadapi. Oleh yang demikian, perbelanjaan bagi tujuan mendapatkan rawatan akan meningkat. Berbanding jika melakukan rawatan moden, kos rawatan umum biasanya mudah diperolehi. Maka, hal ini memudahkan pesakit dan ahli keluarga untuk memperuntukkan wang yang mencukupi.

Jelaslah bahawa, walaupun pusat perubatan moden menyediakan rawatan-rawatan yang sesuai dengan masalah kesihatan namun, terdapat segelintir masyarakat Melayu yang bergantung ke atas rawatan alternatif sebagai penawar bagi penyakit yang dialaminya. Sungguhpun banyak tradisi yang bertentangan dengan agama Islam telah dihapuskan, masyarakat Melayu tidak dapat lari daripada kepercayaan-kepercayaan yang bersifat mistik. Kesannya, mereka sanggup untuk mengeluarkan wang yang banyak walaupun rawatan tersebut tidak diyakini keberkesananannya (Muhammad Ariff Ahmad 2007).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, perbelanjaan untuk memenuhi keperluan yang pelbagai dalam sesebuah masyarakat itu diukur berdasarkan kepentingannya menurut ahli masyarakat itu sendiri. Contohnya di bandar, keperluan asas dari aspek perumahan sememangnya merupakan isu yang penting namun, akibat peningkatan tingkat pendapatan yang tidak sepadan dengan harga rumah, ditambah dengan harga barangan komoditi yang semakin meningkat, membeli rumah tidak lagi menjadi keutamaan. Dapatan ini memperlihatkan bahawa terdapat faktor-faktor yang membentuk tingkah laku ketika perbelanjaan. Tindakan ini kemudiannya menjadi satu bentuk pola dan bersesuaian mengikut gender. Menerusi dapatan kajian ini, persoalan-persoalan mengenai perbelanjaan mengikut gender dapat diketengahkan.

Untuk memahami aspek gender dalam perbelanjaan, sememangnya terdapat isu kesetaraan namun, perbezaan gender masih mempengaruhi kaedah individu menguruskan perbelanjaan mereka. Wanita sering kali memegang peranan penting dalam pengurusan belanjawan keluarga dan mempertimbangkan keperluan seisi rumah dan anak-anak dengan lebih teliti. Selain itu, stereotaip gender juga akan mempengaruhi pilihan pembelian dan persepsi mengenai nilai barang-barang tertentu. Walaupun wang mungkin tidak menjadi faktor utama, stereotaip gender dan peranan tradisional dapat mempengaruhi gaya pemikiran mereka dalam menguruskan wang. Misalnya, walaupun wanita mungkin mempunyai akses yang lebih besar kepada sumber kewangan, stereotaip gender boleh menghalang mereka daripada mengambil peranan yang aktif dalam pengurusan kewangan jangka panjang seperti pelaburan dan perancangan harta.

Oleh yang demikian, latar belakang gender memainkan peranan penting dalam menentukan cara menguruskan perbelanjaan mereka, sama ada dari keluarga berada maupun tidak. Perbezaan ini amat penting dalam merancang pendidikan kewangan, menyediakan sokongan dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, dan mempromosikan kesetaraan gender dalam pengurusan kewangan bagi semua lapisan masyarakat. Maka, masyarakat yang lebih inklusif dapat dibangunkan dengan adil di mana semua individu dapat memiliki akses dan kemampuan untuk menguruskan kewangan dengan baik.

Kajian ini telah menyumbang kepada pemahaman mengenai bentuk perbelanjaan mengikut gender yang didorong oleh beberapa faktor penting. Beberapa dapatan telah diketengahkan melalui kajian ini iaitu peranan dalam keluarga, persaingan kelas sosial dan kawasan penempatan asal. Jika dilihat dari aspek teori, kajian ini menolak teori model unitari yang mengandaikan pola perbelanjaan adalah bersifat homogen bagi lelaki dan wanita. Kajian ini telah berjaya menfokuskan pada pentingnya faktor-faktor yang membentuk perbelanjaan lelaki dan wanita secara langsung. Walaupun tanggungjawab lelaki dan wanita telah dibezakan sejak turun-menurun berdasarkan nilai, norma dan sosial masyarakat Melayu dan, diperkukuhkan lagi dengan ajaran agama Islam namun, kajian ini menunjukkan kedua-dua gender menitikberatkan keperluan keluarga dan juga kelas sosial. Justeru itu, kajian ini menyokong kajian terdahulu antaranya daripada Thomas (1990) dan Katz (1995) yang mengetengahkan terdapatnya keperluan dan perbezaan perbelanjaan mengikut gender.

Selain itu, kajian ini juga mempunyai implikasi pengurusan yang signifikan kerana dapat membantu masyarakat untuk memahami dengan jelas tentang punca sesetengah pola perbelanjaan yang dilakukan gender berbentuk sedemikian. Secara praktikalnya, hasil kajian ini dijangka dapat memberi satu cerminan yang jelas mengenai penggerak di sebalik perbelanjaan yang dilakukan sama ada berbentuk material ataupun sebaliknya. Maklumat yang terkandung di dalam kajian ini dapat dijadikan asas oleh pihak kerajaan, dan pembuat dasar untuk mempertimbangkan tingkat pendapatan yang seiring dengan kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat, selain merangka polisi yang bersesuaian untuk membantu golongan sasaran khususnya warga belia dan tua. Hal ini demikian kerana, keperluan warga tua yang pelbagai lebih-lebih lagi keperluan kesihatan memberi impak kepada pendapatan anak-anak iaitu warga belia. Bantuan yang selayaknya bagi belia berpendapatan rendah juga perlu diberi perhatian agar keperluan-keperluan asas dan wajar dapat dilaksanakan demi kesejahteraan hidup kumpulan ini.

Terdapat beberapa limitasi yang telah dikenal pasti bagi melaksanakan kajian ini. Pertamanya, kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada belia berpendapatan pertengahan dan ke atas, dan juga belia yang berumur di atas 40 tahun. Hal ini demikian kerana, apabila tingkat pendapatan semakin meningkat maka, perbelanjaan ke atas pelbagai barangan berbentuk material atau sebaliknya dapat dipenuhi dengan lebih mudah. Selain itu, tingkat umur yang lebih tinggi juga menekankan perbelanjaan yang berlainan polanya berbanding golongan yang masih muda. Jika lebih banyak golongan umur dan pendapatan dapat dilibatkan dalam kajian berbentuk seperti ini, dapatan akan lebih bervariasi dan memberi impak kepada isu-isu perbelanjaan.

Kajian masa hadapan dicadangkan dapat melibatkan kaum lain kerana faktor budaya dan sosial mengikut kaum dijangka akan memperkayakan dapatan kajian selain membongkar isu-isu yang kurang diberi perhatian. Tidak hanya itu sahaja, perbandingan antara kawasan kajian juga boleh diberi perhatian untuk menentukan faktor-faktor utama yang menggerakkan pola perbelanjaan seperti yang dilihat pada hari ini.

RUJUKAN

- Al-Haifi, A. R., Bumaryoum, N. Y., Al-Awadhi, B. A., Alammam, F. A., & Ashkanani, R. H. 2023. The influence of gender, media, and internet usage on adolescents' fast-food perception and fluid intake. *Journal of Health, Population and Nutrition*, 42(77). (<https://doi.org/10.1186/s41043-023-00426-x>.)
- Ando, A., and Modigliani, F. 1963. The "Life cycle" hypothesis of saving: aggregate implications and tests. *The American Economic Review*, 53(1), 55-84.
- Bazeley, P. 2007. *Qualitative data analysis with NVivo*. London: Sage Publications Ltd.
- Bloodhart, Brittany & Swim, Janet. 2020. Sustainability and Consumption: What's Gender Got to Do with It? *Journal of Social Issues*. 76. 10.1111/josi.12370.
- Chu, R., Liu, M. G., and Shi, J. 2015. How rural-urban identification influences consumption patterns? Evidence from Chinese migrant workers. *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistics*, 27(1), 40-60.
- Cho, H., Chiu, W., Kang, H.-K. and Lee, H.-W. 2024. Gender differences in the effects of nostalgia on conspicuous consumption and impulsive buying. *International Journal of Sports Marketing and Sponsorship*, Vol. ahead-of-print No. ahead-of-print. (<https://doi.org/10.1108/IJSMS-04-2024-0081>).
- Choi, W.-S., and Seo, H.-S. 2023. Effects of age group, gender, and consumption frequency on texture perception and liking of cooked rice or bread. *Foods*, 12(1793). (<https://doi.org/10.3390/foods12091793>).
- Cox, J., and Dittmar, H. 1995. The functions of clothes and clothing (dis) satisfaction: a gender analysis among British students. *Journal of Consumer Policy*, 18(2/3), 37-478.

- Creswell, J.W. 2008. *Educational Research: Planning Conducting and Evaluation Quantitative and Qualitative Research*. 3rd edition. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Educational International.
- Croson, R., Melanie M., and Jessica S. 2008. Groups work for women: gender and group identity in social dilemmas. *Negotiation Journal*, 24(4): 411–27.
- Davies, S. 2011. Income, gender, and consumption: a study of Malawian household. *The Journal of Developing Areas*, 44(2), 1-25.
- Duesenberry, J. 1949. *Income, saving, and the theory of consumer behavior*. Cambridge: Harvard University Press.
- Firth, R. 1966. Housekeeping among Malay peasants. London: The Athlone Press.
- Friedman, M. 1957. The permanent income hypothesis. In M. Friedman, *A Theory of the Consumption Function* (pp. 20-37). New Jersey, U.S.A: Princeton University Press.
- Gneezy, Uri. 2005. Deception: The role of consequences. *American Economic Review*, 95(1): 384–94.
- Haliza Mohd Riji. 2000. *Prinsip dan amalan dalam perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Husniyah, A.R., Mohd Fazli, S., Norhasmah, S., Mohd Amim, O., Norhafifah, S., and Fatin Farwizah, M.R. 2017. Financial practices and physical health influencing financial health of Malaysian employees. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 20, 1-20.
- Katiman Rostam, Mochamad Rosul, Er, A. C., Abdul Rahim Mohd Nor, Zaini Sakawi, and Aishah@Esah Hj Muhammad 2010. Pembandaran dan rebakan bandar di pinggir wilayah metropolitan Klang-Langat. *Malaysian Journal of Society and Space*. 6(2) pp.37-50.
- Katz, E.G. 1995. Gender and trade within the household: observations from rural Guatemala. *World Development* 23, 327-342
- Kotler, P. and Armstrong, G. 2007. *Principle Of Marketing*. New Jersey: Prentice Hall
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 2019. *Belanjawanku: expenditure guide for Malaysian Individuals and Families*. Kuala Lumpur: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- Li, T. 1995. *Orang Melayu di Singapura: Budaya, ekonomi dan ideologi*. Petaling Jaya, Selangor: Synergy Books International.
- Marlowe, F.W. 2007. Hunting and gathering: the human sexual division of foraging labor. *Cross-Cultural Research*, 41(2), 170-195.
- Morris, A., H. Love, Z. van Aar, C. Liles and C. Roskell. 2018. Integrating renal nutrition guidelines into daily family life: A qualitative exploration. *J Hum Nutr Diet*, 31: 3–11. (<https://doi.org/10.1111/jhn.12483>)
- Muhammad Ariff Ahmad. 2007. *Nilam, nilai Melayu menurut adat*. Singapura: Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura.
- Muhammed Abdul Khalid. 2017. Antara dua darjat: agihan pendapatan di Malaysia. Bangi: DUBOOK Press.
- Munhall, L.P. 2011. *Nursing research: A qualitative perspective*. London: Jones and Bartlett Co.
- Ng, S., Bharti, M., and Faust, N. T. 2020. The impact of gender and culture in consumer behavior. In F. M. Cheung & D. F. Halpern (Eds.), *The Cambridge*

- handbook of the international psychology of women* (pp. 244–257). Cambridge University Press. (<https://doi.org/10.1017/9781108561716.021>).
- Nur Jannah Bukhari, Kim Keum Hyun dan Aida Idris. 2020. Budaya dan kesannya ke atas perbelanjaan belia Melayu Kuala Lumpur. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(4), 9-25.
- Nur Jannah Bukhari, Marzudi Md Yunus, Kim Keum Hyun and Aida Idris. (2021). Pola Perbelanjaan Belia Melayu di Kuala Lumpur. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1), 45–68.
- Nur Jannah Bukhari. 2024. Consumption Patterns in Kuala Lumpur: How Does B40 Group Prioritizing Needs. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(3), 347-359.
- O'Donoghue, C., Doorley, K., & Sologon, D. M. 2024. Gender difference in household consumption: Some convergence over three decades. *The Economic and Social Review*, 55(3), 357–386.
- Roberts, A.J. and Pirog, S.F. 2004. Personal goals and their role in consumer behavior: the case of compulsive buying. *Journal of Marketing Theory and Practice*, 12(3), 61-73.
- Roux, E., Tafani, E. and Vigneron, F. 2017. Values associated with luxury brand consumption and the role of gender. *Journal of Business Research*, 71, 102-113.
- Samuelson, P. A. 1954. The pure theory of public expenditure, *The Review of Economics and Statistics*. 36(4), 387-389.
- Schiffman, L. G. 1997. *Consumer behavior* (6th ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Prentice-Hall.
- Solomon, M. R. 1996. *Consumer behavior* (3rd ed.). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Sologon, D.M., Doorley, K., O'Donoghue, C. and Peluso, E., 2024. The Gendered Nature of the Cost-of-Living Crisis in Europe. *IZA Discussion Papers*; No. 16820. IZA – Institute of Labor Economics.
- Thomas, D. 1990. Intra-household resource allocation: an inferential approach. *Journal of Human Resources*, 25, 635-664.
- Toh, S. M. and Rusmawati Said. 2018. A Cross-sectional Household Analysis of Household Consumption Patterns: An indirect approach to identify the possible factors of personal bankruptcy, *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(3), 245-261.
- Vijaya Lakshmi, V., Niharika, D. A., and Lahari, G. 2017. Impact of gender on consumer purchasing behaviour. *IOSR Journal of Business and Management*, 19(8), 33–36. (<https://doi.org/10.9790/487X-1908053336>.)
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof. 1997. Tradisi dan kemodenan dalam perkembangan budaya popular Melayu. In Hashim Awang & Norazit Selat, *Meniti Zaman: Masyarakat Melayu, antara tradisi dan moden* (pp. 47-66). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Yaacob Harun. 1997. Peranan kahwinan Melayu: antara jangkaan dan realiti. In Hashim Awang & Norazit Selat, *Meniti zaman: masyarakat Melayu, antara tradisi dan moden* (pp. 90-99). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ye, L and Robertson, T. M. A. 2012. Gender identity: does it matter for consumer's perceptions? *Journal of Business Diversity*, 12(3), 81-92.

Zukin, S. 1998. Urban lifestyles: Diversity and standardisation in spaces of consumption. *Urban Studies*, 35(5/6), 825-839.